

# Analisis Faktor Perceraian dalam Kalangan Pasangan Belia di Seberang Perai Utara Menurut Undang-Undang Kekeluargaan Islam

Nur Fatin Nabilah<sup>1</sup>, Afiqah Haris<sup>2</sup> Liana Ab Latif<sup>2\*</sup>

<sup>1</sup>Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Kolej Universiti Islam Perlis, Ulu Pua, Perlis

<sup>2</sup>.Jabatan Pengajian Islam, Universiti Selangor, Pelajar, Bestari Jaya.

\*corresponding author: <sup>3</sup> lianaablatif@unisel.edu.my

## ABSTRAK

### ARTICLE HISTORY

Received:

11 Januari 2024

Accepted:

3 March 2024

Published:

6 May 2024

### KEYWORDS

Perceraian

Mahkamah rendah syariah

Seberang Perai Utara

Faktor

Strategi

Fenomena perceraian adalah suatu isu yang polemik dalam kalangan masyarakat Islam di Malaysia. Perceraian berlaku disebabkan kewujudan punca dan faktor tertentu yang membawa kepada ketegangan dalam hubungan rumah tangga. Justeru, perceraian menjadi pilihan bagi meleraikan ikatan perkahwinan yang telah terbina. Oleh itu, artikel ini bertujuan untuk mengkaji konsep perceraian menurut perspektif Islam dan undang-undang kekeluargaan Islam. Kajian ini juga memfokuskan faktor perceraian dalam kalangan pasangan belia muslim meliputi kawasan Seberang Perai Utara. Kajian ini juga bertujuan untuk mencadangkan penambahbaikan oleh pihak yang berautoriti terhadap isu perceraian yang berlaku dalam kalangan belia muslim khususnya di Seberang Perai Utara dan masyarakat muslim umumnya. Di dalam kajian ini, pengkaji menggunakan reka bentuk kajian kualitatif. Sumber primer bagi kajian ini adalah temu bual separa-struktur dan sumber sekunder pula adalah kajian perpustakaan bagi menjawab objektif kajian. Bagi teknik temu bual tersebut, pengkaji telah memilih 5 orang informan yang terdiri daripada pihak Mahkamah Rendah Syariah Pulau Pinang, pihak Pejabat Agama Pulau Pinang dan informan pasangan belia muslim di Seberang Perai Utara yang pernah bercerai. Seterusnya, dapatan temu bual telah dianalisis dengan menggunakan analisis tematik. Tema-tema tersebut dikategorikan mengikut objektif kajian. Pengkaji menggunakan instrumen perisian Atlas.ti 23 agar data temu bual dapat menjawab objektif kajian ini. Hasil kajian menunjukkan antara punca perceraian yang menunjukkan keputusan yang majoriti adalah kerana sikap kegagalan suami dan isteri menjalankan tanggungjawab mereka. Tuntasnya, pengkaji berharap agar kajian ini dapat menyumbang kepada strategi dan usaha pihak yang berautoriti seperti mahkamah Syariah dan pejabat agama Islam negeri memainkan peranan penting dalam menangani dan membendung kadar perceraian yang berlaku sekaligus meminimakan jumlah kes yang berlaku.

e-ISSN 2600-7274

© 2024 Universiti Teknologi MARA Cawangan Pulau Pinang

This open access article is distributed under a Creative Commons Attribution-Non-commercial 4.0 International (CC BY-NC 4.0) license.

<https://creativecommons.org/licenses/by-nc/4.0/>



## 1. PENGENALAN

Perkahwinan merupakan suatu ikatan lahir dan batin antara lelaki dan perempuan dalam sesebuah rumahtangga. Ia merupakan amalan yang disyariatkan oleh Islam bahkan salah satu sunnah Rasulullah S.A.W yang telah dinyatakan di dalam al-Quran dan al-Sunnah (Pmwp, 2019). Hukum asal berkahwin adalah harus dan dituntut kepada umat Islam (Wan Ismail et al., 2022; Amalia et al., 2021). Namun, dalam perkahwinan pasangan suami isteri akan menghadapi isu konflik sehingga menyebabkan mereka memilih untuk bercerai.

## 2. SOROTAN LITERATUR

Sorotan literatur ialah senarai rujukan secara kritikal dan sistematik mengenai maklumat terpilih yang terdapat dalam kepustakaan berkaitan dengan objektif kajian. Berdasarkan objektif kajian, beberapa tema telah diketengahkan iaitu konsep dan kategori perceraian, faktor berlaku perceraian dan strategi mengatasi masalah perceraian.

### KONSEP DAN KATEGORI PENCERAIAN

Konsep perceraian menurut Islam lebih dikenali dengan penggunaan istilah talak. Talak digunakan bagi menggambarkan situasi pasangan suami isteri yang tiada ruang membaik pulih serta meneruskan hubungan perkahwinan tersebut. Suami yang membuat pilihan untuk melafazkan talak perlu mengaplikasikan tatacara dan prosedur yang selari dengan kehendak syariat Islam. Justeru, Islam telah membahagikan beberapa jenis perceraian yang diharuskan syarak sebagai contohnya talak, talak ta'liq, fasakh dan juga khulu' (tebus talak) (Al-Zuhaili, 1989).

Perceraian ialah perihal (kejadian) bercerai antara suami isteri. Perceraian juga membawa maksud menamatkan hubungan perkahwinan sama ada dengan pilihan suami atau keputusan kadi. Perceraian dari segi bahasa bermaksud berpisah (Kelantan, 2022). Dari segi istilah pula bermaksud keruntuhan hubungan perkahwinan dan terputusnya hubungan antara suami isteri dengan bersebab (Pinang, 2022). Menurut perspektif Islam pula, perceraian adalah sesuatu perbuatan yang dibenarkan oleh syarak (Wan Ismail et al., 2022; Amalia et al., 2021) namun perbuatan ini tidak disukai oleh Allah SWT. Berdasarkan firman Allah daripada ayat al-Quran iaitu

الطَّلَاقُ مَرَّتَانِ فَإِمْسَاكَ بِمَعْرُوفٍ أَوْ تَسْرِيحٍ بِإِحْسَانٍ

Maksudnya: *Talak (yang boleh dirujuk kembali itu hanya) dua kali. Sesudah itu bolehlah ia (rujuk dan) memegang terus (isterinya itu) dengan cara yang sepatutnya atau melepaskan (menceraikannya) dengan cara yang baik. (Surah Al-Baqarah, 2:229)*

Setiap hubungan perkahwinan akan melalui fasa ketegangan dan perselisihan faham antara suami dan isteri (Mohamad, 2021). Pasangan yang tidak mampu menyelesaikan konflik dan mencari jalan perdamaian akan memilih untuk bercerai. Justeru, Islam telah menetapkan beberapa jenis perceraian yang mengikut hukum syarak. Malahan ia telah menjadi amalan masyarakat Islam di Malaysia antaranya ialah talak, khuluk, fasakh dan li'an (*Perceraian*, 2020).

### FAKTOR BERLAKU PENCERAIAN DI MALAYSIA

Perceraian di Malaysia bukan lagi perkara asing bahkan merupakan suatu fenomena yang kerap melanda institusi kekeluargaan di Malaysia. Terdapat beberapa kajian lepas yang telah

mengetengahkan faktor-faktor berlakunya perceraian antaranya ketidakberkesanan komunikasi yang memberi impak kepada perselisihan faham berkaitan peranan dan tanggungjawab sebagai seorang suami mahupun isteri. Komunikasi yang kurang baik antara pasangan boleh menyebabkan ketegangan dan kekurangan pemahaman sehingga menyebabkan perceraian (Nurhanisah et al., 2023).

Selain itu, faktor berlaku perceraian adalah disebabkan oleh pegangan agama yang kurang kukuh. Rentetan itu, ia memberi impak kepada kurangnya kesedaran berkaitan isu nafkah, keganasan rumahtangga serta penglibatan dalam penyalahgunaan dadah. Malahan berlaku pengkhianatan, perselingkuhan atau ketidaksetiaan pasangan sering kali menjadi sebab perceraian. Ditambah pula dengan ketidakseimbangan dalam kehidupan keluarga dan kerjaya. Kesukaran untuk mencapai keseimbangan antara kehidupan keluarga dan kerjaya juga boleh menyebabkan ketegangan dalam rumah tangga (Rogayah et. al., 2021).

Kajian oleh Solihah dan Mohd Husairi (2023) menunjukkan, antara punca berlaku perceraian adalah pihak suami dan isteri tidak mempunyai ketahanan mental dan fizikal dalam menghadapi rintangan berumahtangga. Misalnya, tidak mampu mempertahankan rumahtangga apabila diuji dengan kesusahan dan masalah kewangan, walhal jika antara pasangan saling mendukung dan berusaha bersama-sama menghadapi kesusahan pasti rumahtangga dapat dipertahankan. Ketidakseimbangan tanggungjawab: Jika salah satu pihak merasa tidak adil dalam pembahagian tanggungjawab dalam rumah tangga, ia boleh menjadi faktor perceraian. Masalah kewangan juga seperti kekurangan wang, mempunyai tunggakan hutang atau perbezaan pendapat dalam pengurusan kewangan juga boleh menyebabkan ketegangan dalam rumah tangga.


### **3. METODOLOGI KAJIAN**

Metodologi merupakan kaedah yang saintifik untuk menjelaskan strategi dan pendekatan yang digunakan dalam penyelidikan. Metodologi kajian merupakan kaedah bagaimana penyelidikan dijalankan dengan melibatkan tatacara, proses dan langkah yang digunakan untuk mencapai objektif penyelidikan. Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka, metodologi adalah sistem yang merangkumi kaedah dan prinsip digunakan dalam sesuatu kegiatan, disiplin dan sebagainya. Oleh itu, bagi memastikan ketepatan pemilihan metodologi penyelidikan, penyelidik perlu melakukan empat proses utama iaitu memilih kaedah yang bersesuaian, refleksi kaedah yang telah dipilih, menilai kaedah yang telah dipilih serta mengukur dan menginterpretasi pengaruh data yang dikutip (Darusalam, & Husin, 2021).

Berdasarkan kajian ini, pengkaji menggunakan reka bentuk kajian berbentuk kualitatif. Pengkaji menggunakan dua sumber utama iaitu primer dan sekunder. Sumber primer adalah daripada dapatan temu bual separa berstruktur. Seramai dua orang informan yang telah dipilih daripada Mahkamah Rendah Syariah Seberang Perai Utara, Pulau Pinang iaitu pegawai sulh serta Hakim dan daripada Pejabat Pegawai Jabatan Agama Islam iaitu kaunselor pendaftaran cerai. Manakala terdapat dua orang informan yang telah dipilih secara khusus iaitu golongan informan yang sudah bercerai. Terdapat satu set soalan yang terdiri daripada lima soalan berdasarkan objektif kajian. Soalan-soalan yang disediakan mempunyai perbezaan antara informan di mahkamah dengan informan yang terlibat dengan cerai. Sumber sekunder pula ialah pengkaji mendapatkan maklumat dan data melalui kajian perpustakaan (Darusalam & Husin, 2021).

Teknik pengumpulan data yang digunakan di dalam kajian ini adalah teknik kajian perpustakaan, teknik temu bual separa struktur dan teknik dokumentasi. Penyelidik menggunakan metodologi kajian perpustakaan bagi mencari maklumat berkaitan kajian lepas berkaitan dengan perceraian dan membahagikan pencarian sorotan literatur kepada beberapa tema seperti dalam Rajah 1 di bawah.

Rajah 1: Tema Sorotan Literatur



Teknik pengumpulan data secara temu bual di dalam kajian kualitatif merupakan interaksi antara penyelidik dengan informan kajian meliputi topik yang mendalam dan tidak hanya terikat kepada senarai soalan yang telah tersedia. Namun begitu, temu bual kualitatif melibatkan temu bual bersemuka dan atas talian. Selain itu, temu bual ini digunakan bagi mendapatkan maklumat berkaitan fakta, emosi, kepercayaan dan aspek yang ingin diselidik oleh pengkaji. Teknik temu bual ini mestilah diadakan perjumpaan bersemuka di antara penyelidik dan informan kajian. Temu bual boleh dijalankan secara tidak berstruktur, berstruktur dan separa berstruktur. Temu bual separa berstruktur ini merupakan soalan yang dikemukakan kepada informan yang disusun dan berjadual. Walaubagaimanapun, informan diberikan kelonggaran ketika menjawab soalan tersebut. Soalan diubahsuai dari segi susunan serta kaedah menyoal yang lebih fleksibel. Temu bual yang berlangsung boleh dilaksanakan secara individu ataupun berkumpulan (Darusalam, & Husin, 2021).

Berdasarkan penelitian di atas, kajian ini memilih kaedah temu bual secara separa struktur. Temu bual yang dijalankan adalah secara bersemuka fizikal dan juga atas talian. Teknik temu bual ini dapat membantu penyelidik untuk mencapai objektif kajian. Di samping itu, soalan-soalan yang diajukan kepada informan adalah merangkumi komponen tentang perceraian yang membantu penyelidik untuk mendapat maklumat bagi melengkapkan objektif kajian. Informan temu bual bagi kajian ini terdiri daripada 5 orang informan iaitu seorang pegawai sulh daripada Mahkamah Rendah Syariah, seorang kaunselor daripada Jabatan Agama Islam Negeri dan dua orang awam yang pernah terlibat dengan kes perceraian.

Jadual 1: Senarai Informan Kajian

Informan	Jawatan
Informan 1	Pegawai sulh
Informan 2	Kaunselor perceraian
Informan 3	Orang awam terlibat dengan perceraian
Informan 4	Orang awam terlibat dengan perceraian

Berikut merupakan protokol temu bual yang menyenaraikan item soalan yang berkaitan dengan punca perceraian, isu perceraian, kesan perceraian dan strategi untuk mengatasi masalah tersebut. Jadual di bawah menunjukkan protokol soalan yang ditanyakan kepada informan-informan yang terlibat:

Jadual 2: Item Temubual Kepada Pihak Mahkamah/ Pejabat Agama

Protokol temu bual	
Bil	Item
1.	Apakah isu perceraian sering berlaku bagi pasangan yang telah berkahwin dalam kalangan belia?
2.	Apakah punca berlakunya perceraian dalam sesebuah rumah tangga terutama dalam kalangan belia?
3.	Apakah kesan daripada perceraian rumah tangga terhadap institusi keluarga?
4.	Masalah tidak memberi nafkah (wang) kepada isteri dan anak-anak, tiada kefahaman antara pasangan suami isteri, campur tangan orang ketiga dalam hal rumah tangga dan pasangan suami isteri yang tidak solat merupakan punca berlaku perceraian, namun adakah terdapat kes terpencil seperti kahwin paksa menjadi punca berlakunya perceraian?
5.	Masalah cerai ini semakin meningkat sehingga ke hari ini dengan pelbagai punca dan kesan. Oleh itu, sebagai pihak yang berkuasa, bagaimanakah pihak kerajaan/mahkamah Syariah dalam mengatasi fenomena Perceraian dalam kalangan belia muslim.

Jadual 3: Item Temu Bual Kepada Orang Awam

Protokol temu bual	
Bil	Item
1.	Apakah punca/masalah perceraian yang berlaku dalam rumah tangga tuan/puan?
2.	Apakah perceraian yang berlaku memberi kesan kepada diri dan keluarga tuan/puan?
3.	Apakah perceraian dalam sesebuah perkahwinan mampu menyelesaikan masalah atau sebaliknya?
4.	Berapa lamakah tempoh proses perceraian tuan/puan diselesaikan?
5.	Berdasarkan pengalaman perceraian yang telah berlaku, bagaimanakah cara puan/tuan untuk mengatasi supaya tidak berlaku perceraian sekiranya berkahwin semula?

#### 4. ANALISIS KAJIAN

Hasil kajian diolah berdasarkan hasil dapatan kajian kualitatif yang telah dijalankan oleh penyelidik dengan menggunakan kaedah temu bual separa struktur dan kaedah dokumentasi. Hasil kajian menunjukkan perceraian merupakan perkara penting yang berlaku. Data ini dapat disokong melalui hasil analisis data temu bual bersama informan iaitu kesemua jumlah kod adalah 9 kali. Berikut adalah jadual hasil pengekodan rujukan analisis temu bual bersama informan:

Jadual 4: Jenis Perceraian

Informan Kajian	Jumlah Informan	Jumlah Rujukan Kod
Pegawai Sulh	1	9
Kaunselor Perceraian	1	-
Orang Awam	2	-

Sumber: Analisis Code-Documen Table Atlas.ti 23.

Informan 1 menyatakan mengenai tentang isu perceraian. Perceraian ini memiliki beberapa jenis bentuk tuntutan perceraian iaitu fasakh, perceraian bersama, tebus talak, khuluk dan taklik. Perceraian bersama ini berada di bawah seksyen 47. Kes perceraian bagi daerah Seberang Perai Utara (SPU) ini merupakan kes yang terbanyak berbanding daerah-daerah lain di Pulau Pinang. Kes perceraian yang banyak berlaku di daerah SPU ini adalah melibatkan kes tuntutan cerai.

#### 4.1 Punca Perceraian

Jadual 5 menunjukkan jumlah analisis pengekodan bagi punca perceraian iaitu sebanyak 12 kali merangkumi jumlah rujukan kod bagi keempat-empat informan.

Jadual 5: Punca Perceraian

Informan Kajian	Jumlah informan	Jumlah Rujukan Kod
Pegawai Sulh	1	6
Kaunselor Perceraian	1	4
Orang Awam	2	2

Sumber: Analisis Code-Document Table Atlas.ti 23.

Informan 1 telah menyatakan terdapat beberapa punca berlakunya perceraian dalam kalangan belia muslim di SPU, antara puncanya adalah tahap persefahaman yang kurang antara pasangan suami isteri. Isu ini dapat dilihat dalam kalangan belia yang berkahwin namun masing-masing tidak dapat memberi kerjasama dalam memainkan peranan sebagai suami isteri. Bahkan turut menimbulkan isu perselisihan faham dan membawa kepada ketegangan antara suami dan isteri. Sebagai contoh, suami tidak memberi nafkah kepada isteri dan anak-anak. Hal ini menyebabkan isteri tidak lagi mampu untuk mempertahankan hubungan dan memohon perceraian di mahkamah.

Terdapat juga isu tiada ruang perbincangan ke arah pendamaian antara suami isteri juga memberi punca tiada persefahaman antara suami dan isteri tersebut. Pasangan suami isteri lebih mementingkan perasaan sendiri dan tiada sifat keterbukaan ke arah penyelesaian masalah dengan lebih berkesan. Sebagai contoh isteri pergi ke mahkamah untuk menuntut perceraian namun suami tidak mahu memberi kerjasama yang baik. Oleh itu, masalah perceraian ini akan berlanjutan sehingga memakan tempoh yang lama.

Selain itu, informan 2 menjelaskan punca berlaku perceraian adalah kerana tiada persefahaman antara satu sama lain. Melalui perkahwinan di usia yang awal, sesetengah orang tidak mampu untuk menghadapi ujian dan cabaran dalam rumah tangga. Antara isu tiada persefahaman adalah apabila seorang suami yang selalu berbelanja untuk kepuasan diri sebelum berkahwin. Justeru itu, selepas berkahwin wujud konflik dalam pengurusan kewangan apabila suami tidak mahu menyeimbangkan kewangan antara keperluan dirinya, isterinya dan anak-anak. Oleh itu, pasangan suami isteri ini akan memulakan ketidak kesefahaman kerana masing-masing tidak mampu untuk menghadapi masalah tersebut.

Seterusnya, masalah komunikasi banyak berlaku dalam rumahtangga dalam kalangan belia pada hari ini. Pasangan di kalangan belia ini tidak mengetahui cara terbaik dalam berkomunikasi untuk menyelesaikan masalah malah makin menimbulkan masalah seperti bergaduh. Masalah komunikasi ini mampu menghilangkan toleransi dalam hubungan sebuah perkahwinan.

Punca perceraian terakhir bagi penjelasan informan 2 adalah campur tangan pihak ketiga dalam rumah tangga. Berdasarkan maklumat yang dimiliki oleh informan 2 menyatakan pihak ketiga bukan merupakan kes curang tetapi kes campur tangan keluarga mertua dalam sebuah perkahwinan. Kes campur tangan tersebut membawa kepada punca yang tinggi kepada

berlakunya perceraian. Selanjutnya, punca perceraian yang dinyatakan oleh informan 2 adalah kahwin paksa dalam kalangan belia. Perkahwinan ini dikatakan ada kes perceraian yang berlaku berpunca daripada kahwin paksa. Kahwin paksa ini merupakan aturan daripada kedua-dua pihak keluarga yang menyatukan pasangan suami isteri itu. Namun begitu, pasangan di kalangan belia yang tidak memahami dan mengenali antara satu sama lain akan menyelesaikan perkahwinan tersebut dengan cara membubarkan perkahwinan mereka.

Seterusnya, berdasarkan daripada informan 3 menyatakan punca perceraian adalah tahap kefahaman pasangan suami isteri tersebut. Salah seorang daripada pasangan suami isteri tidak mahu memahami keadaan pasangannya seperti berkemungkinan memunyai masalah kewangan dan tidak mampu untuk berbelanja dengan baik. Manakala informan ke-4 juga menyatakan punca perceraian adalah daripada isu pengabaian nafkah dalam perkahwinan. Punca kedua adalah keganasan rumah tangga iaitu si suami kerap memukul isteri apabila mempunyai masalah dan marah kepada si isteri.

#### **4.2 Langkah Mengatasi Perceraian**

Jadual 7.4 dibawah memaparkan hasil jumlah rujukan kod langkah mengatasi perceraian keseluruhannya iaitu sebanyak 5 kali.

Jadual 6: Langkah Mengatasi Perceraian

Informan Kajian	Jumlah Informan	Jumlah Rujukan Kod
Pegawai Suluh	1	1
Kaunselor Perceraian	1	2
Orang Awam	2	2

Sumber: Analisis Code-Documen Table Atlas.ti 23.

Merujuk kepada informan 1 menjelaskan langkah untuk diatasi bagi fenomena perceraian ini adalah pasangan suami isteri tersebut mestilah mendapatkan khidmat kaunseling yang telah disediakan oleh pihak Jabatan Agama Islam. Hal ini kerana Jabatan Agama Islam lebih arif dalam menyelesaikan dan memberi keputusan dalam isu tersebut.

Manakala berdasarkan informan 2 memberitahu langkah untuk mengatasi fenomena perceraian ini adalah penyediaan pusat khidmat kaunseling yang telah ditubuhkan oleh Jabatan Agama Islam bagi setiap daerah dan negeri. Khidmat ini ditubuhkan bagi membantu pasangan suami isteri yang mempunyai masalah dalam rumahtangga untuk mendapatkan nasihat sebelum membuat keputusan untuk membubarkan perkahwinan tersebut. Kewujudan khidmat kaunseling ini juga dapat membantu sesetengah pasangan suami isteri berbaik semula dan tidak meneruskan niat untuk pembubaran perkahwinan. Manakala penjelasan langkah seterusnya adalah berperanan bagi pihak mahkamah Syariah yang telah menyediakan Jawatan Kuasa Pendamai (JKP). JKP ini juga akan memjalankan sesi kaunseling kepada pasangan suami isteri yang masih mempunyai peluang untuk berbaik dan mampu menyelamatkan rumah tangga. Berdasarkan dua langkah ini dapat membantu dan dapat mengurangkan fenomena daripada terus berlaku. Melalui ini pasangan yang mempunyai emosi yang tidak baik mampu untuk dikawal dan ditenangkan oleh pihak autoriti supaya pasangan suami isteri ini mampu untuk bertenang dan membuat keputusan tanpa melibatkan perasan yang mampu membawa kepada penyesalan (Adam et. al, 2021).

Menurut informan 3 langkah mengatasi fenomena perceraian ini adalah pasangan suami isteri mestilah memahami antara satu sama lain. Hubungan rumah tangga ini memerlukan kerjasama dan tolak anssur supaya tidak berlaku salah faham antara pasangan. Malah pasangan suami isteri juga perlulah berbincang sekiranya mempunyai masalah malah tidak menyimpan rahsia antara satu sama lain. Hal ini kerana mengelakkan daripada berlakunya salah faham dan buruk

sangka terhadap pasangan sehingga mencetuskan salah faham yang meruntuhkan rumah tangga.

Informan 4 juga menyatakan bahawa langkah untuk mengatasi fenomena ini adalah setiap pasangan suami isteri ini mestilah memahami tanggungjawab masing-masing dalam menjadi pasangan suami isteri dan sebagai ibu bapa. Hal ini supaya tidak berlaku pengabaian atau ketidakpuashatian daripada mana-mana pihak dalam sebuah perkahwinan. Malah informan 4 juga menyatakan bahawa pasangan suami isteri ini mestilah membuat persediaan mental, fizikal dan emosi dalam menguruskan hal rumah tangga. Mendirikan rumah tangga bukanlah perkara yang mudah bagi pasangan yang di usia pertengahan kerana masing-masing memiliki kelemahan diri dan cabaran kehidupan yang sangat mencabar pada hari ini.

## **5. PERBINCANGAN KAJIAN**

Berdasarkan kajian ini, hasil kajian daripada 5 orang informan tersebut akan dibandingkan dengan kajian literatur. Jenis perceraian yang berlaku dalam kalangan belia muslim di SPU adalah melalui fasakh, khuluk atau tebus talak, taklik, pengesahan lafaz cerai dan perceraian. Kenyataan dari hasil kajian ini telah disokong oleh kajian lepas iaitu penulis Mariam (2017) bahawa perceraian mempunyai jenis atau kaedah seperti fasakh. Melalui kajian lepas ini dapat dilihat jenis perceraian banyak dipraktik oleh kalangan belia di SPU dalam menyelesaikan kes perceraianya. Namun begitu, dalam kajian lepas ini hanya menekankan kepada perceraian jenis fasakh berbanding hasil kajian kini yang dapat melihat kepada 5 jenis perceraian yang telah dinyatakan.

Berdasarkan dapatan kajian yang telah dinyatakan oleh 4 orang informan ini telah menekankan punca perceraian yang telah berlaku dalam kalangan belia di SPU adalah tiada persefahaman antara satu sama lain kerana terlalu mementingkan diri sendiri sehingga tidak ada sikap tolak ansur dalam perkahwinan, tidak memberi nafkah dan tidak melaksanakan tanggungjawab bagi seorang suami dan bapa yang tidak mengambil berat dan mengabaikan tanpa berasa bersalah. Berdasarkan penulis artikel lepas (Hudin, 2017), (Rogayah Estar, 2021), (Amalia, 2021), dan (Sail, 2022) menyatakan pernyataan tersebut merupakan punca berlakunya perceraian. Namun begitu, informan 1 dan 2 menekankan bahawa pihak ketiga dalam sesebuah rumahtangga ini adalah daripada campur tangan dari keluarga mertua ianya bukanlah daripada isu kecurangan pihak suami atau isteri. Malah kahwin paksa juga ditekankan menjadi punca kepada perceraian dalam kalangan belia pada hari ini. Masalah ini terjadi akibat daripada penyatuan daripada kedua ibubapa pasangan suami isteri tersebut.

Berdasarkan 4 informan telah menyatakan bahawa kesan berlakunya perceraian dalam kalangan belia hari ini memberi kesan terhadap anak. Anak-anak akan menjadi mangsa pengabaian dan kurang mendapat kasih sayang yang secukupnya daripada kedua ibu bapa. Hal ini kerana anak kemungkinan tidak dapat berjumpa dengan anak dan si ibu akan terlalu sibuk bekerja demi mendapatkan secukupnya kerana harus berjuang dalam membesarkan anak dengan seorang diri. Maka anak akan menerima impak yang mamu mengganggu emosi dan menjauhkan hubungannya bersama ibu bapa. Manakala informan 1 menekankan bahawa seseorang yang bercerai akan mendapat ujian dan tanggungjawab yang berat kerana berperanan dua orang dalam satu masa. Sebagai contoh, si isteri mendapat hak penjagaan anak maka si isteri perlu memainkan dua peranan iaitu menjadi seorang ibu dan dalam masa yang sama si isteri perlu menjadi ayah untuk membesarkan anak seorang diri. Oleh itu, perkara ini akan memberi tekanan kepada si isteri dalam menguruskan hal rumahtangga seorang diri dan mampu menjejaskan emosi anak kerana si isteri tidak mampu menghadapi ujian selepas bercerai.



Pernyataan ini tidak diungkapkan dalam artikel lepas, justeru itu dapatan kajian telah menyatakan kesan baik dan buruk berlakunya perceraian tersebut.

Merangkumi dapatan kajian ini dapat dijelaskan langkah mengatasi fenomena perceraian dalam kalangan belia di SPU melalui informan 1 dan 2 adalah merujuk kepada pihak lebih pakar iaitu pejabat agama. Pasangan suami isteri yang mempunyai masalah digalakkan untuk menghadiri ke jabatan agama bagi menerima nasihat dari unit khidmat kaunseling yang telah disediakan oleh jabatan agama. Informan 1 dan 2 juga menyarankan kepada pasangan suami isteri untuk menggunakan khidmat Jabatan Kaunseling Syariah yang disediakan oleh pihak mahkamah Syariah. Fungsi JKS adalah memberi nasihat dan kaunseling bagi pasangan suami isteri sebelum melanjutkan kes perceraian ke mahkamah dengan lebih mendalam. Melalui cara ini ia mampu untuk mengurangkan masalah dan mengembalikan hubungan suami isteri ke arah lebih baik (Kementerian Kesihatan Malaysia, 2017).

Manakala pada pernyataan informan 3 dan 4 menyatakan langkah untuk mengatasi perceraian adalah bekerjasama dan saling bertolak ansur dalam hubungan perkahwinan. Pasangan perlu memiliki sikap ini dalam sesebuah perkahwinan kerana ia mampu mengekalkan keharmonian rumah tangga. Hal ini kerana perbincangan secara baik akan terhindar daripada berlakunya pembubaran perkahwinan. Perbincangan secara baik mampu untuk mengetahui punca dan dapat menyelesaikannya dan memudahkan semua pihak. Merujuk artikel lepas juga tiada penekanan dalam langkah mengatasi fenomena perceraian ini.

### **5.1 Kesan Baik dan Buruk Perceraian**

Dapatan kajian bagi pengekodan bahagian kesan baik dan buruk perceraian mencatat jumlah keseluruhan sebanyak 13 kali. Jadual di bawah menunjukkan pengekodan daripada data temu bual yang telah dianalisis:

Jadual 7: Kesan Baik dan Buruk Perceraian

Informan Kajian	Jumlah Informan	Jumlah Rujukan Kod
Pegawai Suluh	1	2
Kaunselor Perceraian	1	5
Orang Awam	2	6

Sumber: Analisis Code-Documen Table Atlas.ti 23.

Informan 1 menyatakan bahawa kesan buruk daripada perceraian adalah pihak suami isteri yang bercerai akan dipandang serong oleh masyarakat sekeliling. Sebagai contoh orang kampung atau jiran akan berbicara dan membawa mulut akan perceraian yang berlaku kepada pasangan suami isteri yang bercerai dalam usia belia.

Kesan buruk seterusnya adalah memegang tanggungjawab yang besar dan banyak. Sebagai contoh, sekiranya pasangan bercerai mempunyai anak akan memberi impak pada diri sendiri. Sebagai contoh, hak penjagaan anak dapat kepada si ibu maka si ibu akan bertanggungjawab sebagai ibu dan ibu juga memegang tanggungjawab sebagai seorang ayah kerana sudah tiada pasangan akibat daripada pembubaran perkahwinan.

Pengabaian terhadap pasangan juga merupakan salah satu punca berlakunya perceraian. Anak-menjadi mangsa keadaan bagi masalah perceraian dalam rumahtangga. Anak tersebut akan mengalami kekurangan kasih sayang, perhatian dan masa bersama ibu bapa.

Berdasarkan daripada maklumat daripada informan 2 mengenai kesan perceraian adalah kepada keturunan itu sendiri. Manakala kedua adalah kepada anak-anak bagi pasangan yang bercerai memiliki anak-anak akan mendapat impak buruk iaitu tidak mendapat kasih sayang dan

perhatian. Kesan seterusnya akan melibatkan kepada si isteri perlu membuat tuntutan selepas perceraian. Sebagai contoh, membuat tuntutan nafkah, penjagaan anak dan sebagainya.

Merujuk kepada informan ke-4, kesan perceraian banyak memberi impak kepada anak. Anak akan kehilangan kasih sayang dan perhatian daripada bapa. Hal ini kerana anak berpisah dan tidak tinggal serumah bersama bapa akibat daripada perceraian tersebut.

Seterusnya, kesan baik daripada perceraian bagi situasi kes masalah rumahtangga informan ke-3 ini adalah dapat menyelamatkan diri daripada bahaya dan keburukan. Hal ini kerana si suami tidak boleh untuk terus memukul isteri kerana si suami sudah tidak mempunyai hubungan perkahwinan serta tidak duduk serumah dan dijarakkan oleh mahkamah akibat penderaan tersebut.

Manakala informan ke-4 menyatakan bahawa kesan perceraian ini memberi banyak kesan kepada anak. Anak yang menjadi mangsa tidak mendapat perhatian dan kasih sayang daripada seorang bapa. Berlakunya perceraian tersebut maka jauhla rasa sayang dan hubungan anak dan si bapa akibat daripada penjarakkan yang terhalang oleh masalah cerai dalam ibubapa (Adam et. al, 2021).

## **6. KESIMPULAN**

Kesimpulannya, punca perceraian yang sering berlaku adalah kerana tiada sifat bertanggungjawab dalam memegang peranan suami dan isteri dengan baik dalam sebuah rumah tangga. Hal ini boleh mengurangkan unsur kerohanian dalam sesebuah rumah tangga akibat daripada sikap mementingkan diri sendiri tanpa melaksanakan tanggungjawab dengan sebaiknya. Walhal tanggungjawab sebagai suami dan isteri merupakan peranan yang sangat penting sebagaimana dijelaskan dalam syariat Islam. Sekiranya tanggungjawab tersebut tidak dijalankan dengan baik dan boleh merosakkan hubungan maka akan dijatuhkan hukum berdosa. Malah, usia belia ini ramai pasangan yang tidak mengambil endah isu ini dan merasakan ia hanyalah perkara yang ringan dan lebih mementingkan kepuasan individu dalam kehidupan.

Malahan, terdapat juga kesan baik dan buruk apabila berlakunya fenomena perceraian dalam kalangan belia di SPU ini. Kesan ini akan memberi impak kepada anak dan ahli keluarga yang lain daripada perceraian tersebut. Oleh itu, sebagai belia yang sudah berkahwin perlu mempelajari dan mengetahui tentang ilmu perkahwinan dengan baik sebelum meneruskan atau mendirikan rumahtangga.

Sekiranya tidak diatasi dengan efisien, maka fenomena perceraian ini akan menjadi semakin bertambah dalam kalangan belia di SPU kerana tiada peruntukan khas daripada pihak berautoriti untuk mengatasi perceraian. Oleh itu, pihak jabatan agama dan mahkamah syariah perlu memainkan peranan penting dalam membimbing pasangan suami isteri yang mempunyai masalah dalam rumahtangga dengan memberi nasihat untuk menyelesaikan secara baik serta peranan bakal suami dan isteri iaitu memenuhi diri dengan ilmu rumahtangga seperti hak nafkah dan tanggungjawab supaya difahami dengan sebaiknya.

## **PENGHARGAAN**

Sekalung penghargaan ditujukan buat pelajar bernama Afiqah binti Haris yang merupakan pelajar semester akhir Ijazah Sarjana Muda Kepujian Syariah dan penyelia beliau iaitu Dr Nur Fatin Nabilah binti Shahrom. Kajian ini adalah merupakan hasil tugas beliau bagi kursus penulisan ilmiah.

## SUMBANGAN PARA PENULIS

LAL melaksanakan abstrak bagi kajian ini. AH melaksanakan bahagian pengenalan dan mengumpulkan kajian-kajian lepas. NFNS dan LAL pula meneliti penulisan kajian literatur. AH dan NFNS mengumpul dan memperhalusi data dan melakukan analisis data menggunakan Atlas ti 23. AH juga menulis bahagian metodologi data. AH, NFNS dan LAL menulis bahagian perbincangan dan implikasi. Semua pengarang membaca dan meluluskan manuskrip akhir.

## KONFLIK KEPENTINGAN

Tiada konflik kepentingan.

## RUJUKAN

- Abd. Majid, M., & Saleh Hudin, M. S. Z. (2017). Trend dan faktor perceraian rumah tangga di negeri Selangor dari tahun 2011 hingga 2015: Trend and marriage divorce factor in Selangor from 2011 to 2015. *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 2(2), 40–53.
- Adam, N. S., J., N., Yusoff, Z., Syed Omar, S. H., Mohamad, A. M., Mat Zin, M. N. (2021). Pengurusan Stres Menurut Perspektif al-Ghazali dan al-Dihlawi. *ESTEEM Journal of Social Sciences and Humanities* Vol. 5, No. 1, 101-115.
- Al-Razi, M. (1999). Mukhtar al-sihah. Beirut: al-Maktabah al-Asriyyah, 216.
- Amalia, S. M. & A. P. & S. A. & D. D. K. & R. (2021). Analisis Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Tingginya Angka Perceraian pada masa pandemi Covid-19. 2(3), 10-17.
- Al-Zuhaili, W. (1989). Al-Fiqh al-Islami wa Adillatuhu. 7(7), Dar Al-Fikr, 356 - 358.
- Darusalam, G., & Husin, S. (2021). Metodologi Penyelidikan dalam Pendidikan. Ed. 3. Penerbit Universiti Malaya. 475 - 597.
- Hadigunawan, N., Saidon, R., Sabarudin, S., & Wahid, F. N. A. (2023). Faktor Tiada Persefahaman: Kajian Kes Perceraian di Mahkamah Rendah Syariah Shah Alam. *International Journal of Law, Government and Communication*, 8 (32), 88-99.
- Hudin, M. A. M. & M. S. Z. S. (2017). Perceraian rumah tangga di Negeri Selangor Darul Ehsan dan Pendekatan Menanganinya. *Penyelidikan Dan Inovasi*, 4, 285–303.
- Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (2022). *Perceraian*. <http://emunakahat.penang.gov.my/v2/index.php?tab=perceraian>
- Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Kelantan (2022). Perceraian dan jenis-jenisnya. <http://kelantan.jksm.gov.my/jksn/index.php/pustaka-media/perceraian>
- Kamaruddin, Z., & Abdullah, R. (2002). Kamus istilah undang-undang keluarga Islam. Zebra Editions, h. 178.
- Kementerian Kesihatan Malaysia. (2017). Menangani Stres Dengan Bjak. t.t.t.: Unit Keshatan Mental, Bahagian Kawalan Penyakit, Kementerian Kesihatan Malaysia.
- Mohd Zin, N. et al., (2007). Perceraian dalam Undang–Undang Keluarga Islam dalam Undang-Undang Keluarga Islam, ed. Najibah Mohd Zin. Jilid 14, cetakan 1. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 101-131.
- Perceraian*. (2020). <https://www.wccpenang.org/syariah-perceraian/>
- Pmwp, A. (2019). Tanggungjawab Sesebuah Perkahwinan. <https://muftiwp.gov.my/artikel/al-kafi-li-al-fatawi/3049-al-kafi-1064-tanggungjawab-sebuah-perkahwinan>
- Rogayah Estar Mohamad, Elmi Baharuddin, Noorazeen Binti Razali, Nurul Ashiqin Jaafar & Nur Filzahruz Mohamad (2021) Sah, Punca Perceraian Pasangan Dewasa Islam: Perspektif Badan Pelaksana, *Journal of Fatwa Management and Research*, 26(2), 368-380.
- Solihah Mansor dan Mohd Norhusairi Mat Hussin (2023), Perceraian Bagi Perkahwinan Yang

- Berusia Kurang Dari Tempoh Satu Tahun Di Mahkamah Rendah Syariah Petaling, *Journal of Shariah Law Research*, 8 (1) 33-70
- Mohamad, R. E. (2021). Punca Perceraian Pasangan Dewasa Islam: Perspektif Badan Pelaksana. *Journal of Fatwa Management and Research*, 26(2), 368–380.
- Sail, S. B. A. S. & J. B. (2022). Analisis Isu Perkahwinan dalam Kalangan Melayu di Kuching, Sarawak Sepanjang Tahun 2018-2020. *Social Sciences and Humanities*, 7(7), 1-15.
- Wan Ismail, W. A. F., Syed Hussin, S. N., Baharuddin, A. S., Abdul Mutalib, L., Z. M. & M. A. A. A. (2022). Konsep Perkahwinan Menurut Perspektif Fiqh Dan Undang-Undang Islam Di Malaysia. *The 8th International Prophetic Conference (Swan 2022)*. 14-28.

## BIOGRAFI PENULIS

**Dr Nur Fatin Nabilah binti Shahrom** merupakan pensyarah kanan sepenuh masa di Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Kolej Universiti Islam Perlis. Kepakaran beliau adalah dalam bidang Sistem Pengurusan Islam di Mahkamah Syariah Malaysia, Sistem Pentadbiran Islam dan Siasah Syar’iyyah. Beliau turut aktif menghasilkan penulisan akademik di dalam jurnal bertaraf Scopus, MyCite dan MyJurnal.

**Afiqah binti Haris** merupakan pelajar tahun akhir Ijazah Sarjana Muda Pengajian Islam (Syariah) di Jabatan Pengajian Islam, Fakulti Pendidikan dan Sains Sosial. Kajian ini merupakan hasil kajian di peringkat Ijazah Sarjana Muda bagi memenuhi keperluan kursus Penulisan Ilmiah.

**Liana binti Ab Latif** merupakan pensyarah sepenuh masa di Jabatan Pengajian Islam, Fakulti Pendidikan dan Sains Sosial. Beliau telah menghasilkan beberapa kajian yang berkaitan dengan pendidikan dan sains sosial khususnya pengajian Islam. Antara tajuk kajian beliau adalah (1) Teori Masalih Mursalah Berdasarkan Pandangan Imam as-Syatibiy dan al-Ghazzali Terhadap Pengabaian Hak-Hak Wanita Dalam Isu Lafaz Cerai Ta’liq Lisan, (2) Konsep Lafaz Cerai Ta’liq : Suatu Kajian Perbandingan Menurut Perspektif Hadith dan Mazhab Fiqh, (3) Kedudukan Lafaz Cerai Ta’liq Lisan Menurut Perspektif Fiqh Dan Undang-Undang Keluarga Islam Di Malaysia, (4) Aplikasi Sadd Al-Zarai’e Dalam Hukum Pengucapan Lafaz Talak Ta’liq Lisan: Analisa Terhadap Kes Terpilih Di Mahkamah Syariah Ipoh, (5) Sensitiviti Terhadap Status Halal Dan Toyyib Dalam Makanan Trend Dalam Kalangan Mahasiswa Universiti Teknologi Mara (Uitm), Shah Alam Selangor, (6) Tahap Komunikasi Ibu Bapa Mempengaruhi Penyimpangan Akhlak Dalam Kalangan Mahasiswa Pengajian Islam Di Universiti Selangor.